

TUJUAN DAN HUKUM PERKAHWINAN

“Perempuan itu dinikahi kerana empat perkara: kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka carilah yang beragama, supaya kamu berbahagia”. Maksud hadis sharif, riwayat Bukhārī dan Muslim.

Perkahwinan ialah perikatan janji antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama (berumahtangga), diikat akadnya (ijab kabul) setelah persetujuan kedua belah pihak, oleh salah seorang wali perempuan itu atau oleh orang yang telah ditentukan (hakim agama) di hadapan dua orang saksi.

Jika ditinjau lebih dalam akan diketahui, bahawa penyatuan dua jenis manusia dalam ikatan perkahwinan ini, bukanlah hendak mengutamakan perhubungan tabii (shahwat), walaupun memang diakui: bahawa lelaki itu berkehendak kepada perempuan dan perempuan berkehendak kepada lelaki. tetapi tujuan utama pada ikatan perkahwinan ini, ialah hendak mewujudkan bahawa manusia itu sebenarnya ialah makhluk yang sedia cenderung kepada bermasyarakat. Mereka berkahwin, untuk membangunkan rumahtangga dan untuk memperoleh keturunan.

Mengenai soal ini, Tuhan ‘Azza wa Jalla berfirman, maksudnya:

“Dan di antara tanda-tanda kebesaran Allah itu, ialah ia telah menjadikan bagi kamu jodoh dari golongan kamu sendiri, supaya kamu dapat hidup berumahtangga dengannya. Dan dijadikannya kamu cinta mencintai dan berkasih mesra dengannya. Sesungguhnya dalam hal ini akan menjadi tanda bagi orang-orang yang berfikir.” (21, al-Rūm).

Mengenai soal ini juga, Nabi (SAW) bersabda,

maksudnya:

“Berkahwinlah kamu supaya berkembang. Aku bangga dengan banyak umat kelak hari kiamat”.

(Hadis dari Ibnu ‘Umar).

“Wahai anak-anak muda! Barang siapa yang sanggup berumahtangga, maka hendaklah ia berkahwin, kerana memelihara kehormatan. Barang siapa yang tidak sanggup, maka hendaklah ia berpuasa, kerana puasa (yang melatih badan itu) melemahkan hasrat berkelamin itu”. (Mutaffaq ‘alayh).

“Isteri yang baik sekali ialah isteri yang banyak anak dan yang dapat berkasih mesra.” (Hadis dari Ibnu Ya‘lā).

Nabi Muḥammad (SAW) kahwin dengan Siti Khadijah dan dapat bergaul dengannya hampir dua puluh lima tahun. Selama kahwin dengan Khadijah ini, Nabi tidak pernah kahwin dengan yang lain. Dasar beristeri banyak dilakukan oleh Nabi ialah sesudah Khadijah yang dikasihi itu wafat. Adapun kelebihan yang didapati pada Khadijah, selain dari ia mengetahui tujuan perjuangan Nabi (SAW) dan memberikan sepenuh-penuh bantuan dalam segala suka duka perjuangan, maka terutama yang dipujikan oleh Nabi, ialah sifatnya sebagai ibu yang banyak anak, dan berhati kasih mesra.

TUJUAN PERKAHWINAN

Difahamkan dari hadis-hadis, bahawa maksud perkahwinan itu ialah untuk mendirikan rumah tangga, bukan untuk melepaskan hasrat perhubungan suami isteri semata-mata. Yang dimaksudkan dengan pembinaan rumahtangga itu ialah dapat menunaikan kewajipan bersuami isteri - sebagai ibu bapa dan juru pendidik anak-anak.

Dengan zahirnya anak, seseorang akan merasa bahawa ia sudah dapat menyalurkan fitrah (kejadian) hidupnya dan memenuhi tuntutan Allah ‘Azzā wa Jalla yang hendak mengekalkan wujudnya manusia di bumi ini sehingga masa yang ditentukan.

Ia juga merasa dapat memenuhi kehendak Nabi Muhammad (SAW) yang sangat gemar melihat umatnya kembang dan bertambah ramai dan akan dibanggakannya pada hari kiamat kelak.

Ia kahwin dan beranak, maka ia menaruh suatu pengharapan menurut keyakinan agamanya, bahawa ia dengan meninggalkan dunia yang fana ini tidak akan berputus dengan orang-orang yang masih hidup. Ia akan dapat menerima pahala si hidup, dengan wujudnya anak-anaknya yang telah mendapat didikannya, yang ingat akan ibu bapanya dan sentiasa berdoa untuk keduanya.

Dengan jalan itu juga, ia dapat mengharapkan syafaat akhirat dari anak-anaknya yang telah meninggal semasa kanak-kanak. Menurut ajaran Islam bahawa pada saat huru hara Padang Masyar itu, yang di dalamnya matahari hanya sejangkal jaraknya dari atas kepala dan panasnya tidak terperi, manusia kehilangan akal mengenangkan apakah yang akan menimpa mereka kelak. Dalam keadaan dahaga itu, anak-anak itu datang membawakan minuman untuk ibu bapanya.

*

Untuk mendapat hiburan dan kelegaan sudah tentu telah sedia ada caranya yang baik.

Bekerja sehari suntuk, melemahkan badan dan menghabiskan tenaga. Lama berfikir, memanaskan otak dan menimbulkan rasa jemu. Tetapi bila sampai di rumah, mendapat sambutan dari anak-anak dan rasa kasih mesra dari isteri, maka hilanglah segala kesusahan yang dirasakan dan pulih semula kekuatan dan kecergasan jasmani dan ruhani. Oleh sebab itu, orang yang bijaksana membahagi waktunya yang dua puluh empat jam sehari semalam itu: ada untuk bekerja, ada untuk makan dan ada untuk bergurau senda dengan isteri dan bermain-main dengan anak-anaknya. Dengan jalan ini dapat merasa nikmat dan syurga hidup berumah tangga, dan dapat merasa kebesaran dan kurnia Tuhan, serta dapat pula mengenangkan bahagia hari akhirat yang lebih nikmat dan lebih bahagia lagi.

Kenanglah sabda Rasul (SAW), maksudnya:

“Hendaklah kamu ambil (dapatkan) hati yang pandai bersyukur, lidah yang pandai menyebut-nyebut (berzikir akan) Allah, dan isteri yang mukmin lagi soleh yang menolong untuk (memperoleh kebahagiaan) akhirat. (Riwayat Tarmizi).

Alpanya seorang isteri daripada menjalankan tanggung jawabnya sebagai seorang isteri, kerap kali menimbulkan ketegangan dalam rumah tangga, bertambah pula dengan keributan dan perbuatan nakal anak-anak, berkehendak kepada kebijaksanaan suami menghadapinya dengan tenang supaya tidak melarat dan menjadikan huru hara dirumahtangga. Mengenai hal ini, junjungan kita (SAW) bersabda, maksudnya: “Sehari berlaku sebagai pemimpin yang adil dalam rumahtangg, lebih besar ertinya dari hidup beribadat selama tujuh tahun.” Dinyatakan lagi: “Bahawa tiap-tiap orang itu adalah menjadi pemimpin dan masing-masing hendaklah bertanggungjawab atas pimpinannya.”

- “Penyuluh Agama.”